

BAB IV
SYARAT KESIHATAN FIZIKAL
BAGI KETUA NEGARA DALAM POLITIK INDONESIA

4.1. Pengenalan

Negara Indonesia merupakan negara republik yang berasaskan kepada Pancasila dan Undang-Undang Dasar Republik Indonesia Tahun 1945, seterusnya lebih dikenali dengan istilah UUD 45¹. Bermula pada awal bulan Julai 1997 negara Republik Indonesia telah mengalami krisis ekonomi yang paling buruk dalam sejarah pemerintahan orde baru, setahun kemudian disusuli oleh tragedi rusuhan dipelbagai bandar yang berlaku pada pertengahan Mei 1998. Tragedi tersebut mengorbankan empat orang pelajar Universiti Trisakti, dan ianya merupakan korban pertama yang meninggal dunia akibat terkena tembakan peluru anggota tentera pada 12hb Mei 1998. Peristiwa tersebut berlaku semasa mereka mengadakan bantahan menuntut reformasi secara menyeluruh, akibat peristiwa tersebut akhirnya membawa kepada berlakunya aksi tunjuk perasaan secara besar-besaran oleh seluruh lapisan masyarakat Indonesia yang marah dan kecewa terhadap kepimpinan Presiden Soeharto.

Kemuncak daripada kemarahan rakyat tersebut, ditunjukkan melalui aksi atau tindakan oleh para mahasiswa yang menduduki gedung DPR/MPR atau bangunan parlimen pada 18 hari bulan Mei 1998, di dalam aksi perhimpunan tersebut, mereka menyuarkan beberapa tuntutan antara lain seperti berikut:

- (1) Adili Soeharto dan kroni-kroninya
- (2) Laksanakan amendemen (perubahan) UUD 1945
- (3) Hapuskan Dwi Fungsi ABRI
- (4) Laksanakan otonomi daerah yang seluas-luasnya
- (4) Tegakkan

¹ Pancasila merupakan lima asas rukun negara, dan ia merupakan nadi persatuan dan kesatuan seluruh rakyat Indonesia dari Sabang sehingga Merauke. Adapun UUD 1945 ialah merupakan bentuk perlembagaan rasmi negara kesatuan republik Indonesia.

supremasi hukum, (5) Ciptakan pemerintahan yang bersih daripada KKN.²

Melihat kesungguhan tuntutan majoriti rakyat dan keadaan semasa yang begitu membimbangkan, akhirnya Jeneral (B) Hj. Muhammad Soeharto terpaksa akur melepaskan jawatannya sebagai Presiden kedua Republik Indonesia pada 21hb Mei 1998. Kepimpinan Presiden secara automatik beralih kepada timbalannya iaitu Prof. Dr. Ing. Bacharuddin Jusuf Habibie, dan pada hari yang sama beliau terus dilantik menjadi Presiden Republik Indonesia yang ketiga bagi menggantikan Soeharto. Perlantikan tersebut amat sesuai dengan apa yang termaktub dalam perkara nombor lapan perlembagaan Indonesia tahun 1945 sebagaimana berikut:

Jika Presiden mangkat (meninggal dunia), berhenti, atau tidak dapat melakukan kewajibannya (kewajipannya) dalam masa (tempoh) jabatannya (jawatannya), ia diganti oleh Wakil (timbangan) Presiden sampai habis (tamat) batas waktunya (akhir jawatannya)³.

Berdasarkan perlembagaan tersebut, maka kedudukan jawatan B.J. Habibie hanyalah seorang Presiden peralihan (*presidential transition*) yang akan meneruskan tugas dan tanggungjawab kepada Presiden sebelumnya, sehingga tamat tempoh masa jawatan yang dijabat oleh mantan Presiden Soeharto. Sehari setelah rasmi dilantik menjadi Presiden iaitu pada 22hb Mei 1998, Habibie telah mengumumkan barisan kementeriannya yang dinamakan dengan barisan kabinet reformasi, ianya merupakan salah satu jawapan daripada beberapa tuntutan yang disuarakan oleh berbagai lapisan masyarakat, dan juga bukti kesungguhan beliau untuk melaksanakan agenda reformasi yang dijanjikannya. Walau demikian reformasi yang beliau laksanakan ternyata tidak

² Mahrus Ali dan MF. Nurhuda Y (2008), *Pergulatan Membela Yang Benar, Biografi Matori Abdul Djamil*, Jakarta: Penerbit Buku Kompas, h. 156

³ Konstitusi Indonesia, UUD 1945 dan Amandemen I, II, III, & IV, (2009),. Jogyakarta: Pustaka Timur, h. 9

sesuai dengan keinginan dan harapan majoriti rakyat yang selama ini mereka perjuangkan, kerana mereka menginginkan reformasi secara menyeluruh.

Ketidakpuasan rakyat terhadap beberapa kebijakan yang diperkenalkan oleh Presiden Habibie antara lain kerana berpunca daripada penilaian mereka terhadap senarai nama-nama kementeriannya yang mempunyai perhubungan dekat dengan beliau, seperti orang-orang yang berasal dari kalangan anggota Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI)⁴, dan bekas anggota Himpunan Mahasiswa Islam (HMI). Sehingga sepanjang kepimpinan beliau sebagai Presiden, semua usaha reformasi dipelbagai bidang seperti ekonomi, politik dan hukum yang cuba beliau realisasikan tetap sahaja tidak dapat diterima oleh majoriti rakyat, sebab Habibie dinilai oleh mereka masih belum dapat menunaikan semua tuntutan asal reformasi yang mereka kehendaki.

Pada 26hb Mei 1998 beliau telah didatangi oleh enam orang tokoh reformasi yang menamakan diri mereka sebagai Forum Komunikasi Kelompok Pengimbang (FPPK), mereka terdiri daripada Amien Rais, Emil Salim, Nurcholis Madjid, Adnan Buyung Nasution, Sudjana Supi'ie dan Rudini di Bina Graha Jakarta. Pada pertemuan tersebut mereka menyampaikan terus tuntutan majoriti rakyat untuk segera dilaksanakan pilihan raya umum⁵. Hasil daripada pertemuan tersebut, Presiden Habibie segera mengarahkan tiga orang menterinya dari bidang kementerian yang

⁴ ICMI merupakan salah satu bentuk NGO yang menghimpun para cendekiawan Muslim di Indonesia yang mempunyai kepakaran dari berbagai disiplin ilmu yang berbeza-beza, secara rasminya ditubuhkan pada 7 Disember 1990 di Kota Malang, Jawa Timur, dan BJ.Habibie merupakan orang pertama yang terpilih dan dilantik menjadi ketua umum selama dua penggal berturut-turut, penggal pertama 1990-1995 dan penggal kedua 1995-2000.

⁵ Mensesneg Ir. Akbar Tandjung (1998) "Pemerintah Tidak Berniat Tunda Reformasi". *Republika*, 27 Mei, h. 17.

berbeza, iaitu Syarwan Hamid daripada Kementerian Dalam Negeri untuk mempersiapkan reformasi dibidang politik, Muladi dari Kementerian Kehakiman dibidang hukum dan perlembagaan, dan Boediono dari Kementerian Perancangan Pembangunan Nasional dibidang ekonomi, ketiga-tiga mereka diarahkan untuk segera mempersiapkan agenda reformasi dan sekaligus juga merupakan langkah proaktif beliau terhadap tuntutan rakyat⁶.

Sebagai bukti kesungguhan dalam pemerintahannya, Presiden B.J. Habibie telah memberitahukan kepada seluruh rakyat Indonesia, bahawa jika rang perlembagaan pilihan raya telah disiapkan sepenuhnya, maka secepatnya akan segera dilaksanakan pilihan raya umum⁷. Pada masa yang sama pemerintah juga telah memperkenalkan berbagai langkah kebijakan sebagai bukti kesungguhan pemerintah dalam melaksanakan agenda reformasi. Langkah-langkah tersebut dinilai oleh beberapa penganalisis politik sebagai langkah yang ingin ditonjolkan oleh Presiden B.J. Habibie untuk menunjukkan kepada rakyat betapa pentingnya keterbukaan, sehingga institusi kepresidenan akan dinilai oleh rakyat sebagai institusi yang terbuka dan transparan⁸. Walau demikian penilaian yang dibuat oleh sesetengah penganalisis, tetapi realitinya Presiden Habibie terus mengotakan janji-janjinya bagi memenuhi aspirasi suara rakyat dengan diadakannya mesyuarat khas yang dikenali dengan istilah sidang istimewa MPR pada hari Khamis 14hb Oktober 1999⁹.

⁶ Lalu Misbah Hidayat (2007) *Reformasi Administrasi: Kajian Komparatif Pemerintahan Tiga Presiden*, Jakarta: Gramedia Press, h. 30

⁷ *ibid*

⁸ *ibid*

⁹ Sidang Istimewa MPR ialah satu mesyuarat khas tergepar diluar persidangan rutin tahunan yang dilaksanakan tidak mengikut jadual tetap, ia dipengerusikan oleh Ketua Umum MPR untuk membincangkan isu-isu semasa yang amat mustahak, yang melibatkan ketua negara berdasarkan permintaan MPR atau desakan majoriti rakyat untuk mengetahui dan menguji sejauh mana pertanggungjawapan terhadap kepimpinannya sepanjang tempoh jawatan menjadi Presiden Republik Indonesia.

Sidang khas MPR yang diadakan ketika itu adalah merupakan satu kemuncak ujian yang dihadapi oleh Presiden B.J. Habibie setelah beliau menjawat Presiden selama lebih kurang 512 hari, kerana pada sidang tersebut kedudukan beliau sebagai Presiden akan dinilai dan seterusnya ditentukan melalui laporan pertanggungjawapan kepimpinannya selama beliau menjawat ketua Negara dihadapan para wakil rakyat. Hasil daripada laporan pertanggungjawabannya tersebut, akhirnya anggota Majelis Permesyuaratan Rakyat (MPR) telah memutuskan bahawa laporan Presiden Habibie ditolak tidak diterima, keputusan tersebut dibuat setelah diadakan undian dengan perbezaan jumlah undi yang tidak jauh berbeza, kerana dari jumlah keseluruhan suara anggota MPR sebanyak 690 orang, 355 suara telah menolak, sedangkan 322 suara menerima dan 9 suara lagi tidak hadir dan 4 suara dinyatakan tidak sah¹⁰.

Adapun punca penolakan laporan pertanggungjawapan tersebut, ialah kerana Habibie dinilai telah bersalah melepaskan negeri Timor Timur yang sekarang dikenali dengan negara Timor Leste daripada Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI). Kes tersebut dinilai sebagai salah satu dosa yang tidak termaafkan, sebab salah satu tugas dan kewajipan seorang Presiden ialah menjaga keutuhan NKRI¹¹. Jawatan Presiden yang di jawat oleh B.J. Habibie sepatutnya berakhir sehingga tamat tempoh jawatan yang dijawat oleh Soeharto iaitu sehingga tahun 2003, namun kerana terdapatnya desakan dan tuntutan reformasi oleh sebahagian besar rakyat Indonesia, maka terpaksa beliau hanya sempat menduduki jawatan orang nombor satu negara Republik Indonesia dalam tempoh kurang lebih 17 bulan sahaja¹². Reliti tersebut menunjukkan bahawa jawatan ketua negara atau Presiden di Indonesia, ternyata tidak

¹⁰ Bambang Soesatyo (2010) "Kasus Century: DPR Bisa Berbuat Lebih". *Harian Suara Karya*, 13 Mac, h. 3.

¹¹ *ibid*

¹² A. Malik Haramain (2004), *Gus Dur, Militer dan Politik*,. Yogyakarta: LKiS, h. 134

cukup hanya berbekalkan kepada kepandaian dan kecerdikan intelektual semata, sebab umum mengetahui bahawa B.J. Habibie merupakan seorang yang mempunyai tahapan intelektual yang tinggi di peringkat lokal dan antarabangsa, tetapi kecerdikan dan kepandaian ilmu pengetahuan yang beliau miliki nyata tidak mampu mempertahankan jawatannya sebagai Presiden Republik Indonesia.

Sebelum tuntutan pilihan raya tersebut diadakan, kepimpinan Presiden B.J. Habibie telah mengajukan *draft* atau rang undang-undang berkenaan tentang parti politik, pilihan raya, susunan dan kedudukan MPR, DPR dan DPRD. Ketiga-tiga draf undang-undang tersebut disediakan oleh sekumpulan tim yang diketuai oleh Prof. Dr. M. Ryaas Rasyid Rektor Institut Ilmu Pemerintahan Departement Dalam Negeri (IIP Depdagri) Jakarta. Setelah rang undang-undang dipersetujui oleh DPR dan disahkan menjadi undang-undang rasmi, maka Presiden B.J. Habibie segera membentuk Komisi Pemilihan Umum (KPU) atau SPR yang dianggotai oleh perwakilan parti politik dan juga aparat pemerintahan.

Setelah terbentuknya undang-undang tersebut di atas, maka proses pilihan raya segera diadakan untuk memilih Presiden dan Wakil Presiden yang baharu pada 7hb Jun 1999. Hasil daripada pilihan raya tersebut menunjukkan bahawa Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDI-P) yang dipengerusikan oleh Megawati Soekarno Putri telah mengungguli parti-parti lain yang bertanding. Walau demikian beliau tidak dapat terpilih menjadi Presiden, kerana para wakil rakyat yang diketuai Amin Rais telah membuat jalan tengah melalui voting suara, dan akhirnya keputusan berpihak pada Abdurrahman Wahid atau lebih populer dikenali sebagai Gus Dur terpilih menjadi Presiden Indonesia yang keempat sementara Megawati sebagai timbalannya.

Semasa kepimpinan Presiden Gus Dur dan Megawati sebagai timbalannya, agenda reformasi yang telah dibuka sebelumnya oleh mantan Presiden B.J. Habibie, kini semakin lebih terbuka luas dan terus berjalan rancak sejalan dengan sistem demokrasi yang semakin matang dan dewasa. Sistem tersebut telah pun diakui kejayaannya oleh *World Values Research*¹³, dan diktiraf sebagai sistem pemerintahan yang terbaik di Indonesia¹⁴. Sepanjang tempoh perjalanan reformasi di Indonesia, iaitu tahun 1998 sehingga sekarang, perlembagaan Indonesia atau Undang-Undang Dasar Republik Indonesia Tahun 1945 telah mengalami pindaan sebanyak empat kali. Pindaan pertama berlaku pada 19 Oktober 1999, kedua pada 18 Ogos 2000, ketiga pada 9 November 2001 dan pindaan keempat berlaku pada 10 Ogos 2002¹⁵.

4.2. Latarbelakang Timbulnya Syarat Kesihatan Fizikal di Indonesia

Syarat kesihatan fizikal bagi calon presiden dan timbalannya, timbul akibat berlakunya kebangkitan reformasi rakyat terhadap tuntutan sistem demokrasi di Indonesia pasca pemerintahan rezim Soeharto. Impak tersebut telah memberikan kesan terhadap beberapa pindaan yang berlaku di dalam perlembagaan Negara Republik Indonesia Tahun 1945 atau lebih dikenali dengan UUD 45, di antaranya ialah pindaan syarat presiden atau ketua negara yang terdapat di dalam bab ketiga mengenai “Bentuk Kekuasaan Pemerintahan Negara”, perkara 6 (1) dan (2) yang semula menyatakan bahwa:

¹³ Christian Welzel & Hans-Dieter Klingemann (2008). “Evidencing and Explaining Democratic Congruence: The Perspective of ‘Substantive’ Democracy”, *World Values Research*, v. 1, no. 3, h. 57

¹⁴ Saiful Mujani (2006), *Mengkonsolidasikan Demokrasi Indonesia: Refleksi Satu Windu Reformasi.*, Jakarta: Lembaga Survai Indonesia, h. 5

¹⁵ Ismail Sunny (2003), Implikasi Amandemen UUD 1945 Terhadap Sistem Hukum Nasional, (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Hukum Nasional Ke-VIII Bidang Politik dan Keamanan, Bali 14-18 Juli 2003), h.3

- (1) Presiden ialah orang Indonesia asli; (2) Presiden dan Wakil Presiden dipilih oleh Majelis Permusyawaratan Rakyat dengan suara yang terbanyak.

Adapun maksud "orang Indonesia asli" dalam konteks ayat tersebut di atas ialah calon Presiden dan calon Wakil Presiden mestilah berstatus sebagai warga negara tulen yang telah mengalami *acculturation* nilai-nilai budaya, adat resam dan ketulinan bangsa Indonesia, serta memiliki semangat patriotik yang kental dan semangat jiwa kebangsaan Negara Kesatuan Republik Indonesia. Ayat tersebut kemudian telah mengalami pindaan pada 9hb November 2001, sehingga ia menjadi seperti berikut:

“Calon Presiden dan calon Wakil Presiden harus seorang warga negara Indonesia sejak kelahirannya dan tidak pernah menerima kewarganegaraan negara lain karena kehendaknya sendiri, tidak pernah mengkhianati negara, serta mampu secara rohani dan jasmani untuk melaksanakan tugas dan kewajiban sebagai Presiden dan Wakil Presiden; Syarat-syarat untuk menjadi Presiden dan Wakil Presiden diatur lebih lanjut dengan undang-undang”¹⁶.

Berdasarkan ayat tersebut di atas, sekurang-kurangnya terdapat empat kriteria bagi calon ketua negara yang mesti dipenuhi bagi seseorang yang ingin menduduki jawatan Presiden di Negara Republik Indonesia, iaitu: (a) Warga negara Indonesia asli sejak kelahirannya¹⁷, (b) Tidak pernah menjadi warga negara di negara lain, (c) Tidak pernah berkhianat terhadap negara, dan (d) Mampu secara rohani dan jasmani. Adapun penditilan bagi syarat ketua negara telah diatur di dalam undang-undang khas pilihan raya presiden dan timbalan presiden No. 23 Tahun 2003 Bab II perkara 6, dan Undang-Undang No 42 Tahun 2008 Bab III bahagian pertama perkara 5. Adapun syarat

¹⁶ Konstitusi Indonesia UUD 1945 dan Amandemen I, II, III & IV (2009),. Yogyakarta: Pustaka Timur, h. 5-6

¹⁷ Perkara ini menjelaskan bahawa siapapun orang yang dilahirkan di Indonesia sama ada berketurunan Arab, Cina mahupun India yang berwarganegara Indonesia dapat diterima sebagai calon presiden berdasarkan pencalonan dari parti tertentu.

kesihatan fizikal termasuk ke dalam katagori persyaratan pada bahagian (d) di dalam kedua-dua undang-undang tersebut di atas, iaitu berbunyi seperti berikut:

“Persyaratan menjadi calon Presiden dan calon Wakil Presiden mestilah; mampu secara rohani (secara kejiwaan) dan jasmani (secara fizikal) untuk melaksanakan tugas dan kewajiban sebagai Presiden dan Wakil Presiden”.

Wacana syarat pemilihan presiden (pilpres) tersebut di atas merupakan salah satu bentuk tuntutan suara reformasi tahun 1998, iaitu tuntutan terhadap perubahan (amendment) UUD 1945. Adapun latar belakang tuntutan perubahan tersebut antara lain pertama, kerana pada zaman Orde Baru, kekuasaan tertinggi terletak di tangan MPR, tetapi pada amalannya kekuasaan tersebut ternyata bukan di tangan rakyat, namun kekuasaan sebenar terletak di tangan Presiden, kedua adanya beberapa artikel yang dinilai terlalu lembut dan bertolak ansur, sehingga dapat menimbulkan banyak pentafsiran, ketiga kenyataan rumusan UUD 1945 tentang semangat penyelenggaraan negara yang kurang didukung oleh ketentuan konstitusi.

Tuntutan perubahan UUD 1945 tersebut adalah bertujuan untuk menyempurnakan peraturan dasar seperti struktur kenegaraan, kedaulatan rakyat, hak asasi manusia (HAM), pembahagian kekuasaan, kewujudan negara demokrasi dan negara hukum, serta perkara-perkara lainnya yang sesuai dengan perkembangan aspirasi keperluan bangsa dan negara, dalam tuntutan tersebut sama sekali tidak menuntut untuk mengubah isi pembukaan UUD 1945, malahan tetap mempertahankan susunan kenegaraan kesatuan yang dikenali sebagai Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI), serta mempertegas sistem pemerintahan presidensial.

Wacana syarat kesihatan fizikal timbul dan hangat diperkatakan buat pertama kalinya ketika menjelang pemilihan umum (pilihan raya) atau lebih dikenali dengan PEMILU Presiden tahun 2004, iaitu ketika masa jawatan Diah Permata Megawati Setiawati Soekarnoputri atau lebih dikenali sebagai Megawati Soekarnoputri sebagai Presiden Indonesia yang kelima berakhir pada 20 Oktober 2004. Menjelang masa jawatan Presiden Megawati berakhir, parti-parti yang layak bertanding telah mengajukan calon mereka masing-masing untuk dicalonkan sebagai Presiden dan timbalannya, ketika proses pencalonan tersebut, terdapat hanya enam pasangan calon sahaja yang telah dinyatakan layak untuk bertanding oleh MPR¹⁸.

Calon-calon tersebut di antaranya ialah terdapat pasangan K.H. Abdurrahman Wahid dengan Dr. Marwah Daud Ibrahim yang telah rasmi dicalonkan oleh Parti Kebangkitan Bangsa (PKB). Namun akhirnya pada peringkat ujian kelayakan pusingan pertama, pasangan tersebut dinyatakan tidak layak untuk meneruskan pencalonannya, kerana berdasarkan hasil tes kesihatan, Gud Dur didapati tidak dapat memenuhi salah satu kriteria persyaratan yang telah ditetapkan oleh Komisi Pemilihan Umum (KPU) berdasarkan kepada ketentuan yang termaktub dalam Undang-Undang No. 23 Tahun 2003 Bab II tentang peserta pemilu Presiden dan Wakil Presiden¹⁹. Ekoran daripada peristiwa tersebut, akhirnya membawa kepada perasaan tidak puas

¹⁸ Pasangan calon Presiden dan Wakil Presiden dicadangkan oleh parti politik atau gabungan parti politik peserta Pemilihan Umum Anggota DPR 2004. Untuk dapat mencadangkan, parti politik atau gabungan parti politik mestilah memperolehi sekurang-kurangnya 5% suara secara nasional atau 3% daripada kerusi DPR. Pasangan calon Presiden dan Wakil Presiden yang mendapatkan suara lebih dari 50% daripada jumlah perolehan suara dalam pemilihan umum dengan sekurang-kurangnya 20% suara didapat dari setiap provinsi yang tersebar di lebih dari 50% jumlah provinsi di Indonesia, dilantik menjadi Presiden dan Wakil Presiden. Apabila tidak ada pasangan calon Presiden dan Wakil Presiden terpilih, dua pasangan calon yang memperoleh suara terbanyak pertama dan kedua dalam pemilihan umum dipilih oleh rakyat secara langsung dan pasangan yang memperoleh suara rakyat terbanyak dilantik sebagai Presiden dan Wakil Presiden. Lihat http://id.wikipedia.org/wiki/Pemilihan_Umum_Presiden_dan_Wakil_Presiden_Indonesia_2004, 7 Mac 2011

¹⁹ Komisi Pemilihan Umum Kalimantan Barat, <http://kpukalbar.com/berita?showall=1>, 7 Mac 2011.

hati oleh para penyokong Gus Dur amnya, dan Parti Kebangkitan Bangsa (PKB) khususnya terhadap keputusan Komisi Pemilihan Umum (PKU) dan Ikatan Doktor Indonesia (IDI) terhadap kegagalan calon pasangan bekas Presiden keempat iaitu K.H. Abdurrahman Wahid yang lebih dikenali dengan sebutan Gus Dur dengan pasangannya Dr. Marwah Daud Ibrahim untuk menjadi Presiden bagi tempoh tahun 2004-2009.

Kegagalan Gus Dur dari senarai pencalonan Presiden Republik Indonesia dipercayai mempunyai dua sebab, pertama kerana didalangi oleh pihak-pihak lawan politik yang tidak suka terhadap beberapa kebijakan yang beliau lakukan, kedua kerana beliau didapati sebagai seorang yang mempunyai kekurangan fizikal dari aspek penglihatan mata. Sebab pertama sering diungkapkan oleh Gus Dur sendiri dalam beberapa sidang media²⁰, sedangkan sebab kedua terbukti ketika seleksi ujian kelayakan bidang kesihatan, beliau telah tersingkir dan diistiharkan tidak lulus oleh tim Ikatan Doktor Indonesia (IDI) yang bekerjasama dengan Komisi Pemilihan Umum (KPU). Penilaian yang dibuat oleh kedua-dua badan tersebut berdasarkan kepada Perlembagaan Republik Indonesia No 23 Tahun 2003 tentang pemilihan umum Presiden dan Wakil Presiden, Bab II Artikel 6 (d).

4.3. Kontroversi syarat kesihatan fizikal Ketua Negara di Indonesia

Kontroversi syarat kesihatan fizikal bagi calon presiden timbul ketika persidangan dan perbahasan rang undang-undang pilihan raya presiden, atau dikenali dengan istilah pilpres. Setelah mengalami proses perdebatan yang panjang, akhirnya dewan sidang istimewa parlimen pada 31hb Julai 2003 telah memutuskan dan mengesahkan rang undang-undang (RUU) pilihan raya presiden (Pilpres) menjadi undang-undang rasmi.

Koran Tempo Interaktif, <http://www.tempo.co/read/news/2004/05/15/05542649/Gus-Dur-Dua-Pejabat-Dalang-Penjegalan>, 16 September 2013.

Seterusnya pihak Komisi Pemilihan Umum (KPU) sebagai pihak pelaksana yang diberikan tanggungjawab telah menandatangani nota perjanjian persefahaman atau MoU dengan Ikatan Dokter Indonesia (IDI) untuk menentukan kriteria persyaratan kesihatan bagi calon Presiden dan Timbalannya, di dalam MoU tersebut telah ditetapkan sebanyak dua puluh jenis kriteria persyaratan, antaranya yang berhubungkait dengan fizikal dan mental yang akan dijadikan sebagai standard minimum bagi calon presiden (capres) dan calon timbalan presiden (cawapres).

Adapun ukuran atau standard kesihatan fizikal tersebut meliputi syarat sihat saraf jantung, pernafasan, penglihatan, hati, pendengaran, kanser ganas yang tidak boleh disembuhkan, sedangkan syarat kesihatan mental ialah meliputi penyakit psikotis atau gangguan kejiwaan yang berat. Kesemua ukuran kesihatan tersebut di atas adalah bentuk pentafsiran daripada Undang-Undang No. 23 Tahun 2003 Bab II Artikel 6 (d) tentang pilihan raya presiden sepertimana yang telah disebutkan di atas. Syarat tersebut berbeza dengan syarat asal yang terdapat dalam UUD 1945 sebelum berlakunya perubahan undang-undang yang ketiga yang telah disahkan pada persidangan tahunan MPR pada tanggal 1 – 9 November 2001, yang hanya menyebutkan bahawa “Presiden ialah orang Indonesia asli”²¹, sangat ringkas dan tidak terdapat lagi syarat-syarat yang lainnya, sehingga tidak membawa kepada beberapa tafsiran yang berbeza.

Adapun pentafsiran yang dimaksud dalam artikel 6 (d) undang- undang tersebut di atas membawa kepada dua pentafsiran yang berbeza, yang pertama syarat

²¹ Undang-Undang Dasar Republik Indonesia Tahun 1945 Bab III tentang: Kekuasaan Pemerintahan Negara, Artikel 4 (1), lihat: Majelis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia (MPR) dalam talian: http://www.mpr.go.id/index.php?m=berita&s=detail&id_berita=41, 10 Mac 2011

tersebut membawa kepada makna yang berhubung kait dengan permasalahan kesihatan fizikal dan mental, sedangkan tafsiran yang kedua membawa kepada makna sebaliknya. Ini kerana presiden merupakan sebuah jawatan politik, sedangkan syarat utama jawatan politik ialah sokongan solid daripada rakyat, jadi kelayakan “mampu secara rohani dan jasmani” bukan sahaja dilihat dari pendekatan fizikal, tapi yang lebih mustahak ialah dilihat dari aspek kapabiliti kepimpinannya²². Oleh yang demikian maka perbezaan pentafsiran tersebut telah membawa kepada dua pandangan yang berbeza terhadap penting atau tidak pentingnya syarat kesihatan tersebut dicantumkan dalam undang-undang pilihan raya ketua negara di Indonesia.

4.3.1. Pandangan Golongan Yang Bersetuju

Adapun pandangan kelompok orang yang bersetuju untuk diberlakukannya syarat kesihatan fizikal antaranya mereka ialah ketua Fraksi Parti Keadilan Sejahtera (PKS) Mahfudz Shiddiq, beliau menyatakan bahawa syarat sihat jasmani dan panca deria bagi calon presiden (capres) dan calon wakil presiden (cawapres) adalah sangat penting, kerana menurutnya persyaratan tersebut sangat normatif dan sepatutnya tidak perlu lagi dipersoalkan, sesuai dengan apa yang terdapat di dalam buku-buku literatur Islam yang menyebutkan bahawa syarat pemimpin mesti sihat anggota tubuh dan sihat panca deria. Parti Keadilan Sejahtera (PKS) merupakan parti politik (parpol) yang berasaskan Islam, tentu sahaja ia akan komited memperjuangkan syarat tersebut²³.

Pendapat serupa juga disampaikan oleh Setiausaha parlimen dari Fraksi Parti Amanat Rakyat (PAN) Muhammad Yasin Kara, bahawa syarat sihat jasmani mutlak diperlukan, kerana realitinya pemimpin yang sihat jasmani sahaja memimpin negara

²² *ibid*, h. 53

²³ PAB Online, <http://web.pab-indonesia.com/content/view/9415/71/>, 24 Mac 2011

kacau-bilau, apatah lagi orang yang tidak sihat. Walau demikian beliau juga membantah adanya isu bahawa cadangan tersebut adalah bertujuan untuk menghalang langkah kerjaya politik seseorang, malah tambahnya lagi cadangan itu murni bertujuan untuk kebaikan negara²⁴.

Pandangan tersebut senada dengan pendapat yang dikemukakan oleh pemerhati politik dari Universiti Indonesia (UI) Prof. Dr. Maswadi Rauf, beliau menyatakan sokongannya terhadap persyaratan yang ketat mutlak diperlukan untuk mendapatkan pemimpin yang baik dan mampu memimpin bangsa Indonesia. Syarat kesihatan ini menjadi penting kerana sesuai dengan tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh calon Presiden dan pasangannya sebagai pemimpin bangsa, artinya keupayaan seseorang yang memiliki cacat fizikal tidak mungkin mempunyai kemampuan yang sama dengan orang yang sihat fizikalnya untuk melakukan kerja-kerja hariannya sebagai pemimpin negara²⁵.

Pandangan yang serupa juga dikemukakan oleh seorang penganalisis politik dan juga pensyarah di Fakulti Ilmu Sosial dan Politik (FISIP) Universiti Indonesia Depok Andrinof A. Chaniago, bahawa syarat sihat jasmani rohani sangat diperlukan untuk menjadi seorang presiden Indonesia yang akan memimpin rakyat yang berjumlah lebih dari 230 juta penduduk, kerana seorang presiden juga nantinya akan banyak membaca dokumen atau menandatangani dokumen-dokumen penting lainnya. Jadi syarat sihat jasmani dan rohani merupakan syarat yang perlu dikekalkan atau diamalkan dalam perlembagaan tanpa bertolak ansur, sebab jika tidak terdapat

²⁴ *ibid*

²⁵ Prof Dr Maswadi Rauf (2008) "Persyaratan Ketat Mutlak bagi Wapres", <http://www.suarakarya-online.com/news.html?id=203262>, 22 Mac 2011

peraturan seperti itu, maka risiko kehadapannya amat besar. Meskipun syarat ini termasuk syarat yang sensitif kerana Gus Dur ketika itu merasa jika syarat ini bertujuan untuk menghalang dirinya maju sebagai capres, meskipun perkara tersebut telah beberapa kali dinafikan oleh orang-orang KPU. Menurutnya lagi, orang awam telah mengetahui bahawa sosok seorang Gus Dur lebih sesuai jika ia duduk sebagai guru bangsa yang mengkawal dan mengkontrol gerak-gerik tokoh-tokoh politik, bukan sebagai pemain langsung²⁶.

Menurut Ketua Pokja Pilpres KPU Anas Urbaningrum, bahawa pemberlakuan syarat “sihat jasmani dan rohani” bagi capres dan cawapres oleh Komisi Pemilihan Umum (KPU) merupakan aplikasi terjemahan daripada UU Pilpres No. 23 Tahun 2003, ianya sama sekali bukan bertujuan untuk menjatuhkan atau menghalang-menghalangi seseorang atau mana-mana individu lain yang direkomenkan untuk menjadi capres dan cawapres. Tetapi ianya murni bertujuan untuk melaksanakan UU dengan sebaik-baiknya, disamping kita juga ingin agar capres dan cawapres dapat memiliki jasmani dan rohani yang benar-benar sihat sehingga tugas kenegaraan tidak terabaikan.²⁷

4.3.2. Pandangan Golongan Yang Tidak Bersetuju

Adapun golongan yang menentang kuat terhadap persyaratan “sihat jasmani dan rohani” sudah semestinya ialah orang-orang yang berhubungkait dengan Parti Kebangkitan Bangsa (PKB) dan kaum *al-nahdiyyin* yang berteduh dibawah payung pertubuhan Islam terbesar di Indonesia yang dikenali sebagai pertubuhan “Nahdlatul Ulama” (NU) yang pernah dipengerusikan oleh Abdurrahman Wahid (Gus Dur)

²⁶ <http://www.sinarharapan.co.id/berita/0803/17/nas07.html>

²⁷ Harian Umum Pelita, <http://www.pelita.or.id/baca.php?id=25494>, 25 Mac 2011

selama hampir 16 tahun, iaitu dari 1984 – 2000²⁸. Kerana ketika itu PKB mempunyai kepentingan politik yang sangat kuat, dengan hujah bahawa jawatan ketua negara merupakan jawatan publik, maka syarat yang esensial hanya satu, iaitu sokongan politik rakyat melalui pilihan raya presiden secara langsung, dan mereka juga menyatakan bahawa persyaratan moral adalah lebih penting daripada persyaratan fizikal. Permasalahan kekurangan fizikal pada diri seseorang dalam dunia moden saat ini, boleh diatasi dengan dunia perubatan moden, sedangkan permasalahan moral jauh lebih sukar diatasi sekalipun menggunakan dunia perubatan moden.

Oleh yang demikian maka Prof. Dr. Din Syamsuddin seorang pensyarah dan ketua umum pertubuhan Islam kedua terbesar di Indonesia berpendapat bahawa: “syarat tidak cacat moral bagi calon ketua negara sepatutnya juga dituliskan di dalam perlembagaan negara, kerana Indonesia merupakan negara yang mempunyai pegangan agama dan bangsa yang memiliki akhlak, komitmen dan orientasi moral pemimpin amat mustahak bagi membawa negara ke arah yang lebih bertamadun”²⁹. Pendapat tersebut senada dengan Agus Muhammad salah seorang penganalisis politik, bahawa di dalam perebutan kekuasaan sesebuah jawatan, selalunya akan timbul dalam diri pribadi orang tersebut satu sifat yang mengandungi kecenderungan untuk menyeleweng (*power tends to corrupt*), jadi persyaratan moral jauh lebih signifikan berbanding persyaratan fizikal³⁰.

Sedangkan menurut Wakil Ketua Umum Parti Kebangkitan Bangsa (PKB) Ali Masykur Moesa menyatakan, bahawa maksud rumusan ayat “mampu” dalam UU No

²⁸ Abdurrahman Wahid, Profil, <http://www.gusdur.net/Profil>, 29 Mac 2011

²⁹ Republika Online, <http://www.republika.co.id/berita/breaking-news/10/04/21/112237-muhammadiyah-aturan-syarat-calkada-tidak-cacat-moral-perlu-ditulisikan>, 27 Oktober 2010

³⁰ Agus Muhammad (2004) "Perlawanan Simbolik Gus Dur". *Koran Kompas*, Sabtu 22 Mei, h. 4

23 Tahun 2003 mengenai Pemilu Presiden dan Wakil Presiden ialah pendekatan dari aspek keupayaannya dalam memimpin (*capability-approach*), bukan pada pendekatan dari segi fizikal (*fizikly-approach*).³¹ Oleh yang demikian jika syarat sihat jasmani bagi calon ketua negara tetap dipertahankan, maka menurut beberapa tokoh PKB seperti Prof. Dr. Mahfud MD yang juga seorang pensyarah dan pakar perlembagaan berpendapat bahawa KPU telah melakukan diskriminasi terhadap orang kurang upaya (*disable person*)³². Sedangkan mereka sesungguhnya mempunyai hak sivil dan hak politik yang sama rata seperti manusia yang lainnya, termasuk hak untuk dipilih dan dicalonkan sebagai presiden. Perkara tersebut sepertimana termaktub dalam *Declaration on the Rights of Disable Persons* (1975) nombor empat yang berbunyi seperti berikut: *Disable persons have the same civil and political rights as other human being*³³.

Berdasarkan pernyataan tersebut di atas menunjukkan bahawa keadaan fizikal semestinya tidak boleh dijadikan alasan untuk menghambat kesempatan seseorang untuk tampil sebagai calon presiden. Sebab kecacatan fizikal pada zaman mutakhir sekarang ini boleh diatasi dengan kecanggihan alat perubatan moden, seperti melalui perawatan perubatan, alat bantu, dan alat teknologi moden. Oleh kerana itu, kecacatan yang terdapat pada diri seseorang sepatutnya tidak boleh dijadikan alasan untuk seseorang mara dalam pencalonan ketua negara (Presiden), kerana ianya bertentangan dengan fitrah dan hak asasi manusia. Gerakan Anti Diskriminasi (GAD) pernah

³¹ Gerakan Pemuda Ansar (2008), "Syarat Calon Presiden Kembali Jadi Kontroversi", <http://gp-ansor.org/3822-04012008.html>, 20 Mac 2011

³² Mohd. Mahfud MD (2004) "Menunggu Keampuhan Panwaslu", Majalah Tempo Online, <http://majalah.tempointeraktif.com/id/arsip/2004/05/24/KL/mbm.20040524.KL91518.id.html>, 22 Mac 2011

³³ Curties F.J. Doebbler (2004), *International Human Right Law: Cases and Materials*, Washington: CD Publishing, h. 387

mengiklankan slogan dalam surat khabar: “Kenapa orang yang cacat fizikal mesti dihalangi, sementara orang yang cacat moral justeru diberi ruang untuk tampil”.³⁴ Pernyataan tersebut sangat sesuai, sebab cacat moral jauh lebih berbahaya, kerana sifatnya yang tidak dapat dilihat dan tidak boleh ditemukan dengan kaca mata perubatan. Seperti sifat berbohong, memanipulasi fakta, mengintimidasi, menghalalkan segala cara, serta mempertuhankan harta adalah merupakan contoh-contoh cacat moral yang lebih berbahaya bagi mana-mana calon presiden.

Nilai kejayaan sesuatu kepimpinan nasional bukan diukur dari aspek usia dan tahap kesihatannya, tetapi ia dinilai dari tahap kemampuannya membawa Indonesia menjadi negara yang terkeluar dan terbebas daripada segala kemelut yang melanda ketika itu, sehingga Indonesia mejadi negara maju, aman damai dan tenteram. Jadi sangat tidak relevan mengkaitkan usia dan kesihatan sebagai syarat capres, kerana yang diperlukan bagi Indonesia saat ini adalah pemimpin yang berani dan siap mengorbankan populeritinya. Sepertimana juga pernyataan Ali Masykur Moesa yang terdapat dalam surat khabar: “Bangsa ini perlu pemimpin yang transformatif dan berani agar bangsa ini segera keluar dari keterpurukan, kerana pemimpin bangsa yang berani yang sangat diperlukan di tengah maraknya model-model pemimpin yang transaksional dalam mempertahankan kekuasaannya”³⁵. Menurutny lagi, “ketidaksempurnaan fizikal pada seseorang tidak boleh menghalangi niat seseorang

³⁴ Nurul Hidayati (2004), “Pembela Gus Dur Beriklan: Kenapa Yang Cacat Fisik Dihalangi?”, *indopos*, <http://us.detiknews.com/rwad/2004/05/07/085017/155728/10/pembela-gus-dur-beriklan-kenapa-yang-cacat-fisik-dihalangi>, 27 Oktober 2010

³⁵ Muhammad Nur Hayid (2008), “PKB: Tidak Releven Kesehatan Jadi Syarat Capres”, *detikNews*, <http://preview.detik.com/detiknews/read/2008/03/11/093154/906356/10/pkb-tidak-releven-kesehatan-jadi-syarat-capres>, 27 Mac 2011

untuk menjadi capres, sebab perkara tersebut juga merupakan bahagian daripada hak asasi manusia (HAM), artinya jika dilarang berarti melanggar HAM³⁶.

Pandangan lain dikemukakan oleh seorang penganalisis politik berkebangsaan Australia, Joey Forrester dalam diskusi bertajuk Menuju Reformasi Asia dengan Pemimpin Berkualiti, di Jakarta pada hari Sabtu 17hb April 2004, berpendapat bahawa kriteria sihat jasmani dan rohani yang disyaratkan KPU bukan persoalan penting yang mesti dilakukan untuk memilih presiden, kerana syarat tersebut di negara-negara maju sekalipun belum lagi dikenali. Jadi bagi pandangan beliau sebaiknya persyaratan atau kriteria capres diserahkan sepenuhnya kepada masyarakat awam yang lebih mengenali calon pemimpinnya sendiri.³⁷ Sementara Ketua Umum Parti Nasional Banteng Kemerdekaan, Eros Djarot juga menilai bahawa kriteria kesihatan bagi capres yang ditetapkan membuktikan bahawa KPU bersifat otoriter, kerana telah menghalangi seseorang untuk menjadi capres. Selanjutnya Eros menyatakan bahawa yang diperlukan adalah presiden yang sihat mental dan fikiran, bukan sihat jasmani dan rohani, sebab kriteria kesihatan yang ditetapkan KPU tersebut tidak menjamin bahawa pemimpin tersebut akan membawa kepada perubahan yang signifikan³⁸.

Demikian juga Pendapat tersebut senada dengan pandangan Hamdan Zoelva seorang bekas anggota parlimen dari Fraksi Parti Bulan Bintang (PBB), bahawa sebarang persyaratan tambahan sama sekali tidak diperlukan, kerana calon akan dipilih

³⁶ “Syarat Capres Diusulkan Balik ke UU 23/2003”, *okezone.com*, <http://news.okezone.com/read/2008/03/1/92922/syarat-capres-diusulkan-balik-ke-uu-23-2003>, 1 April 2011

³⁷ “Persyaratan Kesehatan Bagi Capres Tidak Perlu”, *indosiar.com*, <http://www.indosiar.com/fokus/27385/persyaratan-kesehatan-bagi-capres-tidak-perlu>, 1 April 2011

³⁸ *ibid*

terus oleh rakyat, maka keputusan akhir diserahkan sepenuhnya kepada rakyat yang memilih, kerana sesungguhnya dalam konteks demokrasi rakyatlah yang berdaulat.³⁹ Oleh kerana itu menurut mantan ketua MPR-RI Hidayat Nur Wahid bahawa wacana tersebut sebaiknya dilupakan sahaja, kerana kedaulatan sepenuhnya dipegang oleh rakyat. Kerana jika salah satu syarat diperdebatkan demi kepentingan politik sepihak, maka akan bermunculan persyaratan-persyaratan lain yang akan diperdebatkan juga oleh pihak yang lainnya, demi untuk menjaga kepentingan politik kepartian mereka masing-masing.⁴⁰

4.3.3. Pandangan Golongan Yang Menerima Dengan Bersyarat

Setelah mengetahui kedua-dua pandangan tersebut di atas beserta hujah-hujah yang mereka kemukakan, terdapat lagi satu kelompok atau golongan yang menerima diberlakukannya syarat sihat jasmani dan rohani bagi capres dan cawapres, tapi pernyataan mereka tersebut bergantung kepada kondisi atau syarat. Pengikut atau penganut kelompok pandangan ini juga didapati tidak ramai. Adapun mereka yang duduk dalam kelompok ini antara lain pandangan yang dikemukakan oleh Ketua Pengawasan Khusus (Pansus) RUU Pemilu dan Pilpres dan juga sebagai Anggota Fraksi Parti Golkar, Ferry Mursyidan Baldan, beliau menyatakan: Agar kontroversi syarat kesihatan fizikal tidak terulang lagi di masa hadapan, maka beliau mengusulkan syarat tersebut disahkan tetapi dengan membenarkan adanya pandangan analisis kesihatan orang kedua (*second opinion*).

³⁹ Buletin Majelis (2008), RUU Pilpres: Asal Tak Bertentangan Dengan Konstitusi, Edisi No.12/Thn.II/April 2008. h. 11-12

⁴⁰ *ibid*

Tujuan *second opinion* ialah agar penilaian kesihatan terhadap salah seorang capres tidak hanya dimonopoli oleh pihak-pihak tertentu sahaja. Sepertimana kes yang pernah berlaku pada Ketua Umum Dewan Syuro DPP PKB K.H. Abdurrahman Wahid (Gus Dur). Menurut pandangan beliau, masyarakat awam Indonesia telah mengetahui bahawa Gus Dur adalah merupakan seorang mantan Presiden periode 1999 – 2001⁴¹, oleh yang demikian beliau sepatutnya dibenarkan menggunakan doktor kepresidenan yang pernah berkhidmat semasa kepimpinannya bagi memberikan penilaian terhadap dirinya, sehingga ada pilihan baginya untuk membuktikan kelayakannya sebagai calon Presiden⁴².

Sementara itu, Ketua Fraksi Bintang Pelopor Demokrasi (F-BPD) Jamaluddin Karim menyatakan bahawa, syarat sihat jasmani dan rohani mutlak diperlukan. Adapun tentang kriteria pihaknya menyerahkan sepenuhnya kepada KPU, tetapi dalam proses menentukan kriteria tersebut KPU mestilah bekerjasama dengan Ikatan Dokter Indonesia (IDI). Beliau juga bersetuju dengan cadangan Ferry Mursyidan Baldan untuk calon diberikan kebenaran untuk menggunakan *second opinion* dalam menilai kesihatan bagi seorang capres dan cawapres.⁴³ Berbeza dengan pandangan Maswadi Rauf seorang pakar politik dari Universiti Indonesia (UI) dan Nanang Pamuji dari Universiti Gadjah Mada (UGM), keduanya berpendapat bahawa syarat kesihatan amat diperlukan dalam RUU Pilpres tersebut, berbeza dengan keperluan syarat minimum pendidikan, kerana syarat kesihatan jasmani diperlukan, agar nanti dikemudian hari seseorang tidak terganggu tugas dan kewajibannya sebagai Presiden disebabkan

⁴¹ Periode 1999 – 2001 belum terdapat lagi UU Pilpres yang menguatkuasakan persyaratan calon presiden secara ditil, ketika itu Gus Dur menjadi Presiden dipilih oleh ahli parlimen atau MPR sebagai badan tertinggi negara

⁴² Ahmad Baidowi (2008), “Capres Bisa Ajukan Second Opinion”, <http://autos.okezone.com/index.php/ReadStory/2008/03/11/1/90553/1/search.html>, 14 Mac 2011

⁴³ *ibid*

faktor kesihatannya, kesihatan yang dimaksud iaitu kecacatan yang hanya melibatkan fizikal anggota badan, seperti kaki tengkak yang masih boleh diatasi, kerana kecacatan tersebut tidak terlalu mengganggu tugas seorang Presiden. Tetapi menurutnya lagi, jika seseorang yang menghidap gangguan penglihatan secara permanen, maka juga ia tidak layak untuk dikategorikan sebagai orang yang sihat.⁴⁴

Menurut Nanang, faktor kesihatan penglihatan adalah merupakan syarat penting bagi seorang pemimpin, kerana ia berfungsi untuk menandatangani dokumen-dokumen negara, dan lazimnya sebelum menurunkan tandatangan, seseorang mestilah membacanya terlebih dahulu, apatah lagi bagi seorang Presiden yang akan menurunkan tandatangannya dengan melibatkan dokumen-dokumen penting negara, apa akan berlaku dikemudian hari nanti?. Sedangkan permasalahan kesihatan jasmani bagi capres dan cawapres telahpun ditetapkan dalam perlembagaan negara atau UUD 1945. Konteks kesihatan disini lebih tertumpu kepada cacat fizikal yang boleh mengganggu Presiden dalam menjalankan tugasannya⁴⁵. Namun Nanang tidak menyebutkan jenis cacat fizikal yang dikategorikan boleh mengganggu tugas Presiden tersebut.

4.4. Analisis Kajian

Berdasarkan beberapa huraian dan fakta tersebut di atas, membuktikan bahawa ketidak sempurnaan fizikal yang terdapat pada diri seseorang tidak akan menjejaskan keupayaan dalam berkerjaya. Persyaratan ketua negara mengikut perlembagaan negara Indonesia yang terdapat pada Bab III Perkara 6 (1) menyatakan bahawa: “Calon Presiden dan calon Wakil Presiden harus seorang warga negara Indonesia sejak

⁴⁴ Harian Umum Pelita, <http://www.pelita.or.id/baca.php?id=46965>, 12 Mac 2011

⁴⁵ *ibid*

kelahirannya dan tidak pernah menerima kewarganegaraan lain karena kehendaknya sendiri, tidak pernah mengkhianati negara, serta mampu secara rohani dan jasmani untuk melaksanakan tugas dan kewajiban sebagai Presiden dan Wakil Presiden”. Berdasarkan pernyataan tersebut di atas, dinyatakan dengan jelas bahwa syarat ketua negara mempunyai empat kriteria utama, dan pada kriteria yang keempat menyatakan bahwa capres dan cawapres mestilah “*mampu secara rohani dan jasmani untuk melaksanakan tugas dan kewajiban sebagai Presiden dan Wakil Presiden*”.

Kriteria tersebut telah membawa kepada maksud pentafsiran yang berbeza-beza, sehingga akhirnya menjadi polemik diberbagai kalangan masyarakat awam sepertimana yang telah dihuraikan dalam perbahasan tersebut di atas. Menurut hemat penulis tanpa bermaksud ingin memihak kepada mana-mana pandangan individu atau parti tertentu, tetapi semata-mata berdasarkan kepada kajian makna yang tersurat secara mendalam di dalam peruntukan perlembagaan tersebut, mendapati bahawa perkara yang diutamakan dalam inti syarat tersebut adalah kemampuan secara jasmani dan rohani dalam memimpin negara. Artinya walaupun dia mempunyai kekurangan anggota fizikal, asalkan ia tidak menjadi halangan di dalam menjalankan kepimpinannya, maka sepatutnya perkara tersebut tidak perlu lagi dipersoalkan. Kerana yang penting dia mampu memimpin dan mentadbir negara, mengkoordinasi dan mengorganisasi para menteriya demi untuk melaksanakan amanat rakyat, mengaplikasikan dan melaksanakan program pembangunan, bijaksana dalam mengambil polisi di bidang ekonomi, mempunyai komitmen yang tinggi di bidang penegakan hukum, konsisten dalam pemberantasan rasuah, dan banyak lagi kriteria lain yang menjadi keinginan dan impian rakyat amnya.

Akan tetapi, Komisi Pemilihan Umum (KPU) atau SPR sebagai satu-satunya institusi yang berhak mengesahkan pasangan calon presiden dan wakil presiden mempunyai pentafsiran yang berbeza terhadap klausal tersebut. Sementara pentafsiran KPU dilihat mempunyai kecenderungan kepada maksud “mampu secara jasmani adalah mempunyai kesihatan jasmani yang prima”, dalam arti ia tidak cacat tubuh dan panca indera, serta tidak memiliki permasalahan kesihatan yang serius, dan dalam pernyataannya yang lebih terperinci lagi menyatakan bahawa calon presiden dan wakil presiden mestilah 50% penglihatannya berfungsi.

Berdasarkan pernyataan tersebut, sebahagian kalangan menganggap bahawa persyaratan tersebut bertujuan untuk mematahkan langkah KH. Abdurrahman Wahid (Gus Dur). Walaupun perkara tersebut beberapa kali telah dinafikan oleh pihak KPU, tetapi walau bagaimanapun indikasi tersebut tidak dapat dinafikan, jika kembali merujuk kepada situasi semasa ketika itu sememangnya hanya Gus Dur satu-satunya tokoh nasional yang mempunyai masalah dengan kesihatan mata, terlepas dari apakah nantinya dia akan dicalonkan ataupun tidak. Untuk menjadi pemimpin tidak mutlak diperlukan orang yang mempunyai kesihatan penglihatan mata yang sempurna, tetapi yang terpenting bagi pemimpin ialah seseorang yang tidak buta nalar dan mata hatinya. Sebab realitinya Gus Dur diturunkan dari jawatannya sebagai presiden alasannya bukan sebab kerana kesihatan matanya yang semakin buruk, melainkan kerana berbagai kebijakan kontroversinya yang dianggap tidak sejalan lagi dengan kehendak rakyat dan wakilnya serta orang-orang yang merasa dirugikan dan terancam kedudukannya oleh maneuver-manuevernya yang bertentangan dengan mereka, untuk seterusnya perkara tersebut direpresentasikan melalui lembaga tertinggi negara iaitu Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR).

Menurut hemat penulis persyaratan tersebut bukanlah syarat utama yang mesti dipenuhi oleh mana-mana individu yang akan mencalonkan dirinya sebagai Presiden dan Wakil Presiden, dan penulis kurang bersetuju dengan pandangan yang menyatakan “jika calon didapati menghidap salah satu kategori kesihatan yang telah disenaraikan oleh IDI, maka calon akan digugurkan dari senerai bursa pencalonan, dan tidak boleh melakukan ujian kesihatan ulang”. Sebab penulis percaya tidak ada seorang pun yang sempurna termasuk pasukan penguji dari kalangan doktor itu sendiri, sepertimana pendapat yang dikemukakan oleh salah seorang doktor pakar, Prof. Dr. Dadang Hawari menilai bahawa persyaratan kesihatan bagi capres dan cawapres itu terlalu mempersukar calon, kerana pemeriksaan tersebut sehingga melibatkan aspek pemeriksaan pencernaan, dan perkara tersebut baginya terlalu berlebihan, dan juga beliau melihat persyaratan tersebut terlalu berbelit-belit dan sukar dipenuhi, kerana intinya tidak ada manusia yang sihat 100%, termasuk doktor yang melakukan pemeriksaan tersebut⁴⁶.

Kesimpulannya, syarat calon presiden secara umum ialah “sihat jasmani dan rohani”. Perkataan “*sihat jasmani*” oleh sebahagian ahli politik diinterpretasikan sebagai makna “*sihat sempurna*” dalam pengertian fizikalnya normal seperti kebanyakan orang lain. Syarat tersebut meskipun dipusing-pusingkan, dibungkus dan dikemas dengan menggunakan bahasa politik manapun, pasti akhirnya akan mempunyai maksud makna iaitu untuk menghalangi kemaraan Gus Dur dalam arena dunia politik. Alasan para politisi tersebut sangat sederhana, iaitu mereka berfikir jika seorang Presiden itu buta, bagaimana sebuah negara akan dipimpin oleh seorang yang tidak dapat melihat? Bagaimana nantinya jika dokumen-dokumen kenegaraan yang

⁴⁶ “IDI Dinilai Ikut Bermain Politik”, *suara merdeka*,
<http://www.suamerdeka.com/harian/0404/18/nas3.htm>, 30 Mac 2011

bersifat rahasia (*confidential*) akan dibaca? Apa yang akan berlaku nanti, tentu dia akan sentiasa bergantung kepada orang lain sebagai pemberitahu disisinya, dan andaian-andaian yang lainnya.

Alasan tersebut di atas adalah merupakan wujudnya bentuk rasa kebimbangan mereka terhadap ketua negara atau presiden yang mempunyai kecacatan, tetapi alasan tersebut bagi hemat penulis tidak boleh diterima jika melihat kepada keadaan zaman yang serba moden dan canggih ketika ini. Mengapa kita tidak mahu mengambil *'ibrah* atau pengajaran daripada beberapa orang pemimpin politik dunia seperti Franklin Delano Roosevelt seorang mantan Presiden Amerika Syarikat yang ke 32 dilahirkan pada 30hb Januari 1882 dan meninggal pada 12hb April 1945, beliau terpilih menjadi ketua negara ketika negara sedang mengalami kacau-bilau, beliau adalah seorang yang mempunyai peranan sangat besar ketika berlakunya Perang Dunia II. Banyak kebijakan yang telah beliau laksanakan antaranya seperti membantu golongan orang-orang miskin dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 13 juta rakyatnya, serta kemampuan beliau menstabilkan perekonomian Amerika daripada krisis yang teruk, dan semasa kepimpinannya juga beliau telah berjaya memulihkan kembali pelbagai aspek kemudahan negara⁴⁷.

Oleh yang demikian tidak hairan jika beliau merupakan satu-satunya Presiden Amerika yang pernah terpilih menjadi ketua negara selama empat penggal berturut-turut iaitu 1933 - 1945. Ini kerana kemampuan dan keupayaan beliau yang terbukti berjaya membawa negara Amerika keluar daripada depresi ekonopmi yang teruk yang berlaku di negara tersebut serta kemampuan beliau menyediakan peluang pekerjaan

⁴⁷ Bio, <http://www.biography.com/people/franklin-d-roosevelt-9463381>, 30 April 2015

kepada seluruh rakyat Amerika, meskipun didapati beliau adalah seorang yang mempunyai beberapa kekurangan yang dideritanya seperti kecacatan pada kedua belah kakinya sehingga beliau tidak boleh digerakkan disebabkan penyakit polio yang dideritanya, dan termasuklah kesihatan penglihatan mata, tetapi kekurangan yang ada pada diri beliau terbukti sama sekali tidak menghalangi kejayaannya sebagai ketua negara, malah gaya kepimpinan dan beberapa kebijakannya telah dijadikan inspirasi kepada pemimpin selanjutnya seperti Truman, Eisenhower dan Johnson⁴⁸.

Contoh ahli politik lain seperti Thomas Pryor Gore (10 Disember 1870 - 16 Mac 1949), beliau adalah seorang ahli politik parti Demokrat yang mempunyai kecacatan mata, disebabkan dua kali kemalangan yang dialaminya semasa zaman kanak-kanak lagi iaitu bermula pada usia 12 tahun, tetapi kekurangan yang terdapat pada dirinya sama sekali tidak menjadikannya seorang yang lemah dan putus asa, sehingga beliau mampu mencapai impiannya menjadi senator Amerika yang terpilih daripada negeri Oklahoma pada tahun 1907, tahun 1908 dan tahun 1914. Beliau dikenali sebagai ahli sayap progresif Parti Demokratik, yang bekerja dengan Republikan seperti Robert La Follette. Kecacatan yang terdapat pada dirinya sama sekali tidak menghalanginya untuk bergerak aktif sepertimana ahli-ahli politik yang lain⁴⁹.

David Alexander Paterson - lahir 20hb Mei 1954, beliau adalah seorang ahli politik Amerika dan pernah menjawat Gabenor New York 2008 - 2010. Beliau adalah Gabenor pertama berketurunan Afrika Amerika di New York dan Gabenor kedua yang

⁴⁸ *ibid*

⁴⁹ Biographical Dictionary of the United States Congress, <http://bioguide.congress.gov/scripts/biodisplay.pl?index=g000323>, 30 April 2015

mempunyai kecacatan pada kedua-dua matanya selepas Bob C. Riley yang juga seorang Gabenor Arkansas pada tahun 1975. Semasa David berusia tiga bulan telinga beliau telah dijangkiti virus sehingga merebak ke saraf mata yang menyebabkan penglihatan kedua-dua matanya terganggu dan membawa kepada kebutaan. Beliau kini aktif sebagai pembawa acara talk show di stesen radio WOR di New York City, dan pada tahun 2014 beliau juga telah dilantik sebagai Pengerusi Parti Demokratik di New York⁵⁰.

David Blunkett (lahir 6 Jun 1947), beliau adalah seorang ahli politik dari Parti Buruh British dan Ahli Parlimen (MP) untuk Sheffield Brightside dan Hillsborough, yang mewakili Sheffield Brightside dari tahun 1987 - 2010. Beliau seorang yang buta sejak dilahirkan, dan berasal dari sebuah keluarga yang miskin di Sheffield iaitu salah satu daerah yang terpencil di United Kingdom. Tetapi beliau telah membuktikan kemampuan dirinya bangkit dari kemiskinan dengan beberapa pencapaiannya dalam bidang akademik sehingga kemudian beliau aktif sebagai seorang ahli politik yang disegani dan banyak jawatan-jawatan politik yang telah beliau jawat, tetapi jawatan yang paling dikenali ramai ialah sebagai setiausaha kementerian dalam negeri di bawah kepimpinan Tony Blair. Beliau telah aktif dalam bidang politik sehingga tahun 2014, kerana pada pilihan raya Mei 2015. Seorang editor kanan majalah politik *The Scotsman* dan majalah *The Spectator* Fraser Nelson berkata, beliau adalah seorang yang tidak pernah berada di bawah dan tidak pernah menunjukkan dirinya sebagai orang kurang upaya, beliau adalah salah seorang Ahli Parlimen yang terbaik dari Parti

⁵⁰ Bio., <http://www.biography.com/people/david-a-paterson-400134>, 30 April 2015

Buruh, beliau benar-benar seorang ahli politik yang luar biasa dan seorang lelaki yang luar biasa⁵¹.

Adapun contoh tokoh yang bukan dari kalangan ahli politik seperti Professor Stephen William Hawking seorang saintis Briten, beliau dilahirkan tepat 300 tahun selepas kematian saintis Galileo⁵², Stephen adalah profesor dalam bidang metematik dan seorang pakar fizik teoritik yang telah banyak menghasilkan teori-teori seperti teori kosmologi, gravitasi kuantum, lubang hitam, dan radiasi Hawking, padahal pada masa yang sama beliau juga adalah seorang yang mempunyai kekurangan fizikal yang teruk disebabkan beliau menghidap penyakit *Amyotrophic Lateral Sclerosis* (ALS) semenjak beliau berusia 21 tahun lagi, membuat seluruh tubuh beliau menjadi lumpuh tak dapat bergerak, beliau hanya mampu duduk di atas kerusi roda, sehingga beliau tidak mampu lagi makan atau bangun tidur sendiri, suaranya menjadi tidak jelas sehingga hanya dapat dimengerti oleh orang yang mengenali beliau secara dekat sahaja⁵³.

Penyakit ALS yang dideritanya merupakan sejenis penyakit neuron motor yang biasa dirujuk sebagai penyakit "*Lou Gehrig*", tetapi penyakit tersebut sama sekali tidak membuat beliau berhenti bekerja dan berkarya dalam bidang yang diceburinya, malah kerjaya ilmiah beliau semakin terus berkibar cemerlang selama lebih daripada empat puluh tahun. Buku-buku dan penampilan publiknya menjadikan beliau sebagai

⁵¹ Encyclopædia Britannica, <http://global.britannica.com/EBchecked/topic/760205/David-Blunkett>; parliament.uk, <http://www.parliament.uk/biographies/commons/mr-david-blunkett/395>; thefamouspeople, <http://www.thefamouspeople.com/profiles/david-blunkett-1159.php>, 30 April 2015

⁵² Biography on Stephen Hawking, <http://library.thinkquest.org/C007571/english/advance/biography.htm>, 2 April 2011

⁵³ *ibid*

seorang selebriti akademik dan *theoretician* fizik yang terpopuler di dunia. Ketika keadaan kesihatannya semakin bertambah buruk akibat *pneumonia* yang teruk, beliau telah menjalani *tracheostomi* pada tahun 1985, sehingga untuk seterusnya terpaksa beliau menggunakan alat *pensintesis* suara untuk berkomunikasi, seiring berjalannya waktu, tahap kesihatan beliau juga semakin teruk, sehingga beliau kehilangan keupayaannya untuk menggunakan lengan, kaki, dan suaranya, dan kini hampir benar-benar lumpuh total.

Kemudian seorang ilmuwan Cambridge membuat peralatan yang direka cipta khas dengan sistem komputer yang dipasang pada kerusi rodanya yang dikendalikan oleh Hawking melalui ‘suis kedipan’ inframerah yang dipasang pada cermin matanya, dan sistem tersebut juga menggunakan pemancar gelombang radio untuk mengawal pintu rumah dan pejabatnya, sehingga dengan peralatan tersebut beliau dapat bertutur menggunakan sebuah *voice synthesizer* dengan hanya mengkerutkan pipi kanannya, beliau juga dapat menulis ucapan dan kertas kerja penyelidikan, serta melayari internet dengan hanya duduk di atas kerusi rodanya yang dibekalkan alat seperti tetikus yang menjulur bagai belalai alat pembesar suara yang kecil, yang biasa digunakan di atas meja-meja mesyuarat, alatan tersebut boleh digerakkan dengan mulutnya lalu dihubungkan dengan komputer⁵⁴.

Keadaan kesihatan Gus Dur sungguh sangat jauh lebih baik jika dibandingkan dengan keadaan Hawking yang bertubuh kecil, kurus dan bungkuk, tetapi dengan keadaan fizikal seumpama itu, Hawking menjadi tangguh dan pakar dalam bidang fizik, matematik dan kosmologi diperingkat dunia, malah beliau mampu melahirkan

⁵⁴ Professor Stephen Hawking, <http://www.hawking.org.uk/index.php/disability/disabilityadvice>, 30 Mac 2011.

teori-teori yang revolutif, sehingga dunia sepatutnya bersyukur kerana mempunyai insan bernama Hawking. Apakah yang berlaku jika seandainya beliau dinafikan hak-haknya sebagai warganegara, dan dianggap sebagai orang cacat yang tidak berguna? Bukankah dunia akan menyesal sebab ternyata makhluk yang dianggap tidak berguna tadi, ternyata mempunyai kemampuan berfikir yang amat *brilliant*?

Berbalik kepada ketidakpercayaan mereka terhadap Gus Dur, yang didakwa tidak mampu membaca dokumen negara, sebab tidak dapat melihat dengan matanya sendiri, maka pandangan tersebut sungguh sangat naif, kerana perkara tersebut bukan perkara yang sukar untuk diatasi di zaman teknologi moden sekarang ini. Perkara tersebut mungkin boleh diselesaikan dengan menggunakan alat bantu *software* dan *hardware* yang bersesuaian. Umpamanya dengan menggunakan *software* kategori ‘text-to-speech’ iaitu *software* yang boleh merubah teks tertulis menjadi suara.

Software tersebut merupakan jenis *software* yang ringan dan mudah diperolehi, demikian juga sebaliknya, *software* kategori ‘speech-to-text’ juga mudah diperolehi dipasaran teknologi dengan harga yang berpatutan, dan untuk mempergunakannya tidak perlu menjadi seperti Hawking, kerana jenis *software* ‘voice-recognition’ juga boleh digunakan. Merujuk kepada kes Gus Dur, beliau hanya perlu disediakan *scanner* atau alat pengimbas yang dihubungkan dengan PC, laptop atau PDA, lalu teks yang mahu dibaca diletakkan di atas *scanner*, maka teks tersebut akan diimbas untuk seterusnya dibaca oleh *software* ‘text-to-speech’, dan jika sesuatu dokumen tersebut tidak mahu didengari oleh orang lain, maka boleh menggunakan *headphones* atau *earphone*.

Berdasarkan teori yang ringkas tersebut, tanpa bermaksud untuk mendukung mana-mana golongan, penulis berpandangan bahawa kekurangan atau kecacatan fizikal yang terdapat pada mana-mana individu yang mempunyai kelayakan pada bidangnya, janganlah syarat tersebut dijadikan alasan untuk menyekat individu tertentu menggunakan hak asasinya sebagai manusia normal, sebab ramai terdapat orang-orang yang *diffable*, tapi mereka mempunyai kemampuan yang luar biasa. Sebab perkara ketidak sempurnaan fizikal yang terdapat pada seseorang akan dapat dibantu dan diatasi dengan menggunakan teknologi moden yang mutakhir. Berbeza dengan permasalahan “tidak sihat rohani” atau “cacat moral”, kerana penyakit tersebut menurut hemat penulis sehingga sekarang belum dijumpai lagi oleh mana-mana *hardware* atau *software* yang boleh membantu memulihkannya.

Keupayaan dan sokongan politik adalah merupakan asas kepimpinan didalam sesebuah organisasi amnya dan bernegara khasnya, asas tersebut ialah jauh lebih menentukan daripada syarat kesihatan fizikal yang banyak menimbulkan kontroversi. Oleh yang demikian, penulis bersetuju dengan pandangan ulama salaf iaitu Ibn Hazm, meskipun pandangan beliau tidak ramai yang menyokongnya, tapi penulis sangat menghormati dan *salute* terhadap pandangan beliau yang begitu jauh ke hadapan, beliau menyatakan bahawa semua bentuk kecacatan fizikal seseorang boleh diatasi dan diterima, selagi ia masih mempunyai mental yang sihat meskipun ia sudah mencapai usia satu abad.

Walau demikian penulis berpandangan bahawa syarat kesihatan fizikal bagi ketua negara yang dikemukakan oleh Ibn Hazm tersebut boleh dikaji semula pemakaiannya berdasarkan konteks masyarakat dan negara. Sebab jika seseorang

calon meskipun ia masih mempunyai mental dan akal fikiran yang sangat sihat, tetapi jika dia mempunyai komplikasi kecacatan fizikal yang berganda dan penyakit dalaman yang kronik, seperti orang tersebut menderita buta, pekak, bisu, serta tidak mempunyai kaki dan tangan, dan dia juga menghidap penyakit barah yang berada pada tahap akhir, dan jika sekiranya secara perubatan juga didapati bahawa kecacatan fizikal atau penyakit yang dideritanya kelak akan memberikan kesan negatif yang teruk bagi kelancaran kepimpinannya, malah akan mengganggu tugas dan kewajipannya sebagai ketua negara, maka dalam kes ini penulis bersetuju pencalonan orang tersebut sebaiknya tidak diterima dan tidak layak untuk bertanding dalam memperebutkan jawatan sebagai ketua negara.

Tetapi jika keadaan sebaliknya, maka tidak seorangpun berhak menghalangi mana-mana individu untuk bertanding dan bersaing dengan orang lain, kerana ianya merupakan hak asasi manusia yang diciptakan Allah S.W.T. di muka bumi ini. Berdasarkan realiti tersebut, maka dapat disimpulkan bahawa faktor kesihatan bukanlah menjadi persyaratan utama dalam pengisian jawatan presiden Indonesia, kerana fakta telah menunjukkan bahawa keupayaan dan sokongan politik akar umbi (*grass root*) adalah jauh lebih menentukan kedudukan seseorang calon berbanding permasalahan kesihatan fizikal semata-mata.